

05/09/1998

Pemuda akui ada ahli salah laku

Razdi Wahab

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno mengaku sebilangan kecil anggotanya turut terbabit dalam perbuatan memalukan pemimpin parti yang menghadiri mesyuarat Majlis Tertinggi (MT), malam semalam.

Sehubungan itu, perkara berkenaan akan diperpanjangkan kepada ketua pergerakan itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, supaya satu mesyuarat khas diadakan segera bagi membincangkannya.

Exco Pemuda Umno, Zulkifli Mohamed Alwi, berkata mesyuarat khas itu perlu kerana beliau tidak mahu perkara berkenaan berlarutan sehingga Pemuda Umno terheret ke satu kancah yang tidak wajar.

"Kami tidak mahu isu ini ditafsirkan umum sebagai tindakan Pemuda Umno. Kami juga tidak mahu diperalatkan untuk kepentingan individu tertentu," katanya pada sidang akhbar bersama seorang lagi Exco Pemuda, Zein Isma Ismail, di sini petang ini.

Malam semalam, pelajar dan ahli sebuah pertubuhan belia membentuk kumpulan yang dipercayai terbabit dalam perbuatan membaling objek, menghamburkan kata-kata kesat dan menjerit slogan yang diselang seli dengan nyanyian patriotik ketika ahli MT tiba untuk menghadiri mesyuarat dan selepasnya.

Tindakan kumpulan itu dipercayai bagi melahirkan rasa tidak puas hati terhadap pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Sambil menyifatkan rasa dukacita dan kecewa dengan tindakan kumpulan itu, Zulkifli berkata, perbuatan itu bertentangan dengan nilai murni yang mahu diterapkan oleh generasi pelapis pimpinan negara.

"Emosi dan tindakan terburu-buru hanya memburukkan keadaan dan menimbulkan imej negatif kepada pihak yang kononnya mahu dibela. Apatah lagi apabila tindakan itu diperbesar-besarkan media asing serta memburukkan imej negara di mata dunia," katanya.

Beliau yang juga Setiausaha Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN), berkata semua anggota pemuda parti komponen akur denan mandat pucuk pimpinan dalam menangani masalah membabitkan politik dan ekonomi.

"Kalau ada pihak tertentu yang berhajat mengganggu gugat pucuk pimpinan, kami mengambil kesempatan ini untuk menegaskan yang kami berdiri teguh di belakang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Sementara itu, Zein berkata, generasi muda sekarang tidak seharusnya mengamalkan budaya kurang ajar dan ikut-ikutan serta menjadi ejen Barat dalam memalukan negara.

Menurutnya, generasi muda, terutama pelajar tidak harus meniru tindakan reformasi seperti di Indonesia, sebaliknya perlu menumpukan perhatian kepada pelajaran.

"Lagipun, mereka sebenarnya belum matang dalam perjalanan arena politik negara kerana masih kurang pendedahan," katanya.

(END)